

IPTS disaran tawar program pengajian bidang pertanian

Putrajaya: Institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) disaran menawarkan program dalam bidang pertanian, bagi membantu negara melatih lebih ramai tenaga kerja berkepakaran dalam bidang berkenaan.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata ia secara tidak langsung dapat memperluaskan capaian dalam bidang pertanian yang sebelum ini hanya bertumpu kepada institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Tak wajar pentingkan keuntungan

"IPTS perlu melihat kursus berkaitan untuk ditawarkan kepada pelajar dan tidak sewajarnya memikirkan keuntungan semata-mata.

"Kini terdapat sembilan IPTA menawarkan pelbagai program dalam bidang pertanian dan berdasarkan pengambilungan sesi akademik 2012/2013, ada 1,217 penuntut mendaftar kursus Sarjana Muda dalam bidang pertanian.

FAKTA NOMBOR

1,217 orang

penuntut mendaftar kursus Sarjana Muda dalam bidang pertanian berdasarkan pengambilungan sesi akademik 2012/2013

"Jumlah ini mewakili kelompok yang kecil iaitu hanya 3.16 peratus berbanding pendaftaran keseluruhan 38,545 pelajar untuk semua kursus," katanya selepas merasmikan Kongres Pertanian Antarabangsa 2012, di sini semalam.

Kongres dua hari anjuran Universiti Putra Malaysia (UPM) yang disertai 300 peserta dari dalam dan luar negara itu bertujuan membincangkan cadangan inovasi, strategi serta dasar meningkatkan bekalan makanan dunia.

Mengenai kemalangan membabitkan penuntut Malaysia di Russia, Mohamed Khaled berkata kes itu dikendalikan oleh Wisma Putra kerana kementerian tidak ada wakilnya di sana.



"Kini terdapat sembilan IPTA menawarkan pelbagai program dalam bidang pertanian"

Mohamed Khaled Nordin
Menteri Pengajian Tinggi